

SULIT
79/1
Kemahiran
Hidup
Bersepadu
Pilihan 4
Ogos
2009
1½ Jam



**ANJURAN
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN PERLIS**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA
PENILAIAN MENENGAH RENDAH (PMR)
TAHUN 2009**

**KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU
PILIHAN 4
(PERDAGANGAN DAN KEUSAHAWANAN)**

Satu jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan.
Jawab **semua** soalan.


Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C, dan D.

Bagi tiap-tiap soalan pilih **satu** jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.

Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan anda. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan hitamkan pilihan anda yang baru.

Penggunaan kalkulator biasa sahaja dibenarkan.

Kertas soalan ini mengandungi **28** halaman bercetak



RAJAH 1

1. Apakah jenis bahan dan label alat pemadam api yang paling sesuai bagi memadam kebakaran dalam Rajah 1?

	BAHAN PEMADAM API	LABEL
A	Air	A
B	Buih	B
C	Karbon Dioksida	BC
D	Debu kering	AB

Saiful menggunakan idea yang dipilih untuk mereka cipta sebuah rak pelbagai guna bagi menyelesaikan masalah adiknya

2. Pernyataan di atas merujuk kepada faktor

- I keupayaan sendiri
- II bahan dan komponen
- III nilai komersial
- IV pengetahuan dan kemahiran





- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

Minggu	Tarikh	Masa	Aktiviti
1 dan 2	3 dan 10 Mac	8 -10 pagi	Mengukur, menanda dan memotong
3 dan 4	17 dan 21 Mac	8 -10 pagi	Memasang dan mencantum
5	27 Mac	8 -10 pagi	Menguji dan mengubahsuai
6	4 April	8 -10 pagi	Membuat kemasan



JADUAL 1

3. Apakah tujuan Jadual 1 disediakan?
- A Memastikan projek siap dalam tempoh yang ditetapkan
 - B Memudahkan kerja pengujian dan pengubahsuaian
 - C Memudahkan kerja pengurusan
 - D Menjimatkan kos bahan mentah
4. Antara berikut manakah perlu ada dalam pendokumentasian reka cipta?
- I Nama dan fungsi produk
 - II Sejarah penghasilan produk
 - III Latar belakang produk
 - IV Deskripsi produk
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
5. Antara yang berikut manakah definisi reka bentuk?
- A Susunan bahan yang dirancang untuk menghasilkan sesuatu produk
 - B Produk penyelesaian masalah yang dapat memperbaiki kefungsiian serta rupa bentuk sesuatu produk
 - C Penghasilan sesuatu produk baru atau pengubahsuaian sesuatu produk bagi memenuhi keperluan dan kehendak pengguna
 - D Pengajian dan pengetahuan dalam usaha mencipta dan menggunakan pelbagai alat, sumber dan sistem

6. Rajah berikut menunjukkan tempat menyimpan pisau. Reka bentuk yang manakah paling selamat digunakan?








7. Antara berikut alatan manakah sesuai digunakan untuk menanda keluli lembut sebelum digerudi?



- *Digunakan untuk memasang tetingkat di dalam almari atau di dinding*
- *Biasanya diperbuat daripada keluli lembut*

8. Apakah bahan pemasangan yang sesuai digunakan dalam proses membentuk dan mencantum bagi pernyataan di atas?






RAJAH 2

9. Apakah cara untuk menghasilkan tenaga elektrik pada Rajah 2?


- A Tindakan haba
- B Tindakan kemagnetan
- C Tindakan cahaya
- D Tindakan kimia



RAJAH 3

10. Rajah 3 menunjukkan sebuah plag 3 pin 13 A. Pilih kod warna tamatan yang betul.

	P	Q	R
A	Hijau kuning	Perang	Biru
B	Biru	Hijau Kuning	Perang
C	Perang	Biru	Hijau kuning
D	Hijau kuning	Biru	Perang



JADUAL 2


11. Jadual 2 menunjukkan bacaan pada meter kilowatt jam bagi 2 bulan berturut-turut. Kadar tarifnya ialah :

- Bagi 200 unit pertama 0.218
- Bagi 800 unit berikutnya 0.258
- Bagi setiap unit tambahan 0.278


Berapakah jumlah bayaran yang dikenakan?

- A RM 43.60
- B RM 51.01
- C RM 52.37
- D RM 60.37

12. Rajah 4 menunjukkan bahagian utama motor DC. Bahagian manakah akan menjadi elektromagnet serta berputar bila arus elektrik mengalir melaluinya?




RAJAH 4



RAJAH 5





13. Nyatakan keterangan yang tepat bagi komponen pada Rajah 5?

- I Unit asasnya ialah ohm
 - II Ia berfungsi sebagai suis kawalan
 - III Ia diperbuat daripada bahan separa pengalir
 - IV Ia bertindak meninggikan arus, voltan dan kuasa
-
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV




RAJAH 6

14. Rajah 6 menunjukkan lukisan bergambar bagi satu litar siri. Pilih lukisan skematik yang betul



15. Susun langkah memateri di bawah mengikut urutan yang betul

- I Panaskan alat pemateri sehingga dapat meleburkan timah pateri
 - II Sentuh bit pada tempat yang hendak dipateri
 - III Angkat timah pateri
 - IV Angkat alat pemateri
-
- A I, II, III dan IV
 - B III, IV, II dan I
 - C IV, III, I dan II
 - D IV, III, II dan I




RAJAH 7

16. Bahagian manakah berfungsi menyalurkan air keluar dari tangki semasa kerja pembersihan dilakukan pada Rajah 7?


- A P
- B Q
- C R
- D S

17. Antara berikut yang manakah soket penjodoh?


A





B



C




D



RAJAH 8

18. Apakah jenis paip yang menggunakan pita PTFE semasa kerja penyambungan paip pada Rajah 8 ?

- A Paip BG
- B Paip poli
- C Paip PVC
- D Paip getah




RAJAH 9

19. Berdasarkan rajah di atas apakah kegunaan alatan tersebut?

- I Melukis garisan menegak
- II Melukis garisan mendatar
- III Menyangga sesiku
- IV Melukis garisan bersudut

- A I dan II
- B II dan III
- C I dan IV
- D III dan IV




PANDANGAN HADAPAN

RAJAH 10

20. Rajah 10 menunjukkan sebuah bongkah. Apakah jenis garisan yang dilukis pada X?

- A Garisan objek
- B Garisan penengah
- C Garisan binaan
- D Garisan tersembunyi

PELAN




PANDANGAN HADAPAN


RAJAH 11

21. Rajah 11 menunjukkan pelan dan pandangan hadapan bagi satu objek. Pandangan sisi bagi objek tersebut ialah


A




B




C




D






RAJAH 12

22. Rajah 12 menunjukkan sebuah mesin jahit. Bahagian manakah berfungsi menolak fabrik semasa menjahit?
23. Susun langkah memasang benang atas pada mesin jahit mengikut urutan yang betul
- I Masukkan benang ke dalam tuas pemegang jahit
 - II Tarik benang ke dalam ceper pemegang benang
 - III Masukkan buku benang ke dalam tiang benang
 - IV Tarik dan masukkan benang ke lubang jarum
- A III, II, I, dan IV
 - B II, III, IV dan I
 - C I, II, III dan IV
 - D IV, I, II dan III



RAJAH 13


24. Rajah 13 menunjukkan sejenis jahitan tangan. Namakan jahitan tersebut.
- A Lilit ubi
 - B Insang pari
 - C Suji bilang
 - D Silang pangkah



RAJAH 14

25. Rajah 14 ialah sejenis kutleri. Namakan kutleri tersebut.

- A Pisau meja
- B Pisau mentega
- C Pisau roti
- D Pisau sayur



26. Apakah adab yang sesuai berkaitan etika makanan di atas?





- A Adab semasa mengambil makanan
- B Adab semasa makan
- C Adab semasa minum
- D Adab semasa di meja makan

27. Antara berikut pasangan manakah betul tentang ruang tempat kediaman?


	Ruang	Bilik
I	Sosial	Dapur
II	Persendirian	Mandi
III	Sosial	Tamu
IV	Kerja	Makan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

28. Manakah antara susun atur alatan dan kelengkapan dapur berikut paling sesuai?



PETUNJUK





RAJAH 15


29. Rajah 15 menunjukkan sejenis keratan batang. Apakah nama keratan batang tersebut?
- A Keratan hijau perang
 - B Keratan kuning
 - C Keratan perang
 - D Keratan hijau
30. Antara tumbuhan hiasan di bawah yang manakah sesuai untuk dipasukan semula?



II



III




IV



- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

31. Antara berikut, manakah yang menerangkan maksud perniagaan?.
- A Kegiatan membeli dan menjual barang dan perkhidmatan yang dibeli untuk memperolehi keuntungan
 - B Kegiatan menyediakan barang dan perkhidmatan untuk kegunaan pengguna
 - C Kegiatan menggunakan barangan yang dibeli untuk mendapat kepuasan
 - D Kegiatan memproses barang-barang supaya menjadi barang siap



RAJAH 16

32. Berdasarkan Rajah 16, X ialah
- A konsep perniagaan
 - B konsep keperluan dan kehendak manusia
 - C perkembangan perniagaan dan masa depannya
 - D kepentingan perniagaan kepada individu, masyarakat dan negara




RAJAH 17

33. Apakah alat pembayaran pada Rajah 17?.
- A Kad ATM
 - B Kad prabayar
 - C Kad kredit
 - D Kad pintar
34. Antara faktor berikut, manakah mempengaruhi perniagaan?.
- I Perubahan stok
 - II Teknologi
 - III Harga jualan
 - IV Keadaan ekonomi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan IV
 - D III dan IV

Penyataan berikut menunjukkan ciri-ciri sebuah perniagaan.

- Keuntungan dalam bentuk dividen
- Diuruskan oleh Lembaga Pengarah
- Pemiliknya antara 2 hingga 50 orang

35. Nyatakan contoh perniagaan itu.
- A Syarikat Maju 2020
 - B Pusat Perubatan Dini Dan Dina
 - C Koperasi Nelayan Berhad
 - D Syarikat Bestari Sendirian Berhad




RAJAH 18

36. Langkah-langkah yang ditunjukkan pada Rajah 18 berkaitan dengan
- A memulakan perniagaan
 - B merancang perniagaan sendiri
 - C menyusun strategi perniagaan
 - D mengendalikan perniagaan
37. Antara berikut, manakah tidak ada kaitan dengan kawalan stok?.
- A Peniaga perlu selalu memeriksa stok
 - B Peniaga perlu menyusun stok supaya mudah dilihat
 - C Peniaga perlu menyimpan kurang stok gerak pantas untuk menjimatkan ruang
 - D Stok perlu direkod dengan sempurna untuk menjimatkan masa

- Mengurangkan kos penyimpanan stok
- Meluaskan pasaran ke merata-rata tempat

38. Apakah jenis bantuan perniagaan yang berkaitan dengan pernyataan di atas?.
- A Pengangkutan
 - B Pergudangan
 - C Komunikasi
 - D Promosi



RAJAH 19

39. Rajah 19 menunjukkan susunan dokumen perniagaan antara pembeli dan penjual. Apakah kemungkinan dokumen X?.

- I Invois
- II Katalog
- III Sebut harga
- IV Surat jawapan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

Soalan 40 dan 41 adalah berdasarkan invois di bawah.

Syarikat Jula Juli 114, Jln Pokok Sentang, 47000 Klang, Selangor			
Syarikat Indah Permai Lrg 11, Menara Indah Jln Tun Teja, 51000 Kuala Lumpur			
No. Pesanan: JL959		10 Sept 2008	
Kuantiti	Butiran	Kos Seunit(RM)	Jumlah (RM)
3	Almari Buku	1 400	4 200
Syarat: 7% 10 hari 2% 30 hari K & K di K ...Aiman..... (Pengurus)			

40. Sekiranya Syarikat Indah Permai membuat bayaran pada 5 Oktober 2008, berapakah jumlah yang perlu dibayar?.

- A RM 3 906
- B RM 4 116
- C RM 4 284
- D RM 4 494

41. Apakah tujuan dokumen tersebut dihantar?.
- A. Menyenaraikan barang-barang yang dibeli secara kredit
 - B. Memudahkan kerja merekod urusniaga ke dalam buku
 - C. Memudahkan kerja penyemakan barang yang dihantar
 - D. Memudahkan pembayaran hutang



RAJAH 20

42. Apakah bidang pengeluaran yang terlibat pada Rajah 20?.
- A Perkhidmatan
 - B Perkilangan
 - C Pembinaan
 - D Ekstraktif
43. Antara berikut, manakah kebaikan pengkhususan?.
- I Menghasilkan barang yang bermutu
 - II Meminimumkan kos pengeluaran barang
 - III Saling bergantung antara satu sama lain
 - IV Pekerja berasa bosan kerana melakukan kerja yang sama
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

Soalan 44 dan 45 adalah berdasarkan maklumat di bawah.

Butiran	Kos (RM)
Kos upah	2.50
Kos bahan	6.80
Kos overhead	1.80

JADUAL 3

44. Jadual 3 menunjukkan kos untuk membuat seunit rak buku. Hitung kos pengeluaran untuk 100 unit rak buku.
- A RM 11.10
B RM 111.00
C RM 1011.00
D RM 1110.00
45. Jika seunit rak buku dijual dengan harga RM 20.00, berapakah jumlah keuntungan seunit yang akan diperolehi?.
- A RM 8.90
B RM 88.90
C RM 890.00
D RM 890.90

Pn Suzana seorang pemilik kedai jahit, memerlukan bimbingan dan latihan dalam kegiatan perniagaan.


46. Berdasarkan pernyataan di atas, agensi kerajaan manakah dapat membantu beliau?.



A



B



C



D

Menghadkan jumlah pembelian barang dari luar negeri yang hendak dijual di dalam pasaran tempatan


47. Manakah antara berikut menerangkan pernyataan di atas?.

- A Jualan eksport
- B Kuota
- C Taraf perintis
- D Embargo

48. Manakah antara berikut merupakan fungsi pemasaran?.

- I Konsep pemasaran
- II Strategi pemasaran
- III Objektif pemasaran
- IV Teknik pemasaran

- A I, II dan III
- B II, III dan IV
- C I, II dan IV
- D I, III dan IV



RAJAH 21

49. Rajah 21 menunjukkan strategi pemasaran. Apakah X?

- A Aktiviti pemasaran
- B Masalah pemasaran
- C Campuran pemasaran
- D Elemen campuran pemasaran

- Jenis Produk – susu bayi
- Status Produk – Jenama baru di pasaran

50. Berdasarkan maklumat di atas, apakah jenis promosi yang sesuai digunakan untuk memperkenalkan produk tersebut?

- I Pengiklanan
- II Demonstrasi
- III Jualan murah
- IV Sampel percuma

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV


51. Mengapakah seorang pengeluar perlu menentukan harga jualan melebihi kos pengeluaran?

- A Membolehkan pengguna memilih barang yang sesuai dengan kemampuan.
- B Membantu pengeluar melakukan promosi ke atas barangan keluarannya.
- C Membolehkan pengeluar memperolehi keuntungan yang berpatutan dan barangan boleh dijual di pasaran.
- D Memastikan pengeluar boleh bersaing dengan pengeluar lain.

Safinaz telah membeli sepasang kasut berjenama terkenal dari sebuah pusat membeli belah dan kemudiannya mendapati kasut tersebut adalah tiruan.

52. Berdasarkan situasi dalam pernyataan di atas, apakah undang-undang yang dapat melindungi Safinaz sebagai seorang pengguna?.

- A Akta Kawalan Bekalan 1961
- B Akta Kawalan Harga 1946
- C Akta Perihal Dagangan 1972
- D Akta Timbang dan Sukat 1972



RAJAH 22

53. Berdasarkan Rajah 22, apakah tanggungjawab pengguna terhadap masyarakat?

- A Bersistematik
- B Menjaga alam sekitar
- C Menjaga kebersihan
- D Berjimat cermat

Syarikat Perabot Zakuan membeli 15 buah rak buku.

54. Antara berikut, akaun manakah merekodkan urusan tersebut?

- A Akaun Zakuan
- B Akaun Belian
- C Akaun Perabot
- D Akaun Bank

Pindahkan tunai di bank ke kedai RM 100.

55. Catatan bergu yang manakah direkodkan dengan betul?

A

Akaun Tunai	
Bank	RM 100

Akaun Bank	
	Tunai RM 100

B

Akaun Bank	
Runcit	RM 100

Akaun Runcit	
	Bank RM 100

C

Akaun Runcit	
Tunai	RM 100

Akaun Tunai	
	Runcit RM 100

D

Akaun Bank	
Tunai	RM 100

Akaun Tunai	
	Bank RM 100

	RM
Jualan	550
Penghutang: Salleh	200
Diskaun diterima	160
Pembekal: Ali	1490
Ambilan	300
Belian	1700

56. Berdasarkan baki-baki di atas, berapakah jumlah besar Imbangan Duga?

- A RM 2200
- B RM 2150
- C RM 2100
- D RM 2050

Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 November 2008

	RM	RM		RM
Stok awal		3 800	Jualan	13000
Belian	6 000			
Upah atas belian	120			
Angkutan masuk	150			
		<u>6 270</u>		
X		10 070		
(-) Stok akhir		<u>1 300</u>		
Y		8 770		
Untung kasar		<u>4 230</u>		
		<u>13 000</u>		<u>13 000</u>

57. Berdasarkan Akaun Perdagangan di atas, apakah butiran yang sepatutnya di X dan Y?

	X	Y
A	Insurans atas belian	Duti atas belian
B	Kos Jualan	Kos Belian
C	Kos barang belian	Kos barang untuk dijual
D	Kos barang untuk dijual	Kos Jualan

- Komisen di terima
- Diskaun di terima
- Sewa di terima

58. Dalam akaun untung rugi, perkara-perkara di atas dianggap sebagai

- A Perbelanjaan
- B Pendapatan
- C Keuntungan
- D Kerugian

Soalan 59 dan 60 berdasarkan Kunci kira-kira di bawah.

Kunci Kira-kira Pada 31 Mac 2009

	RM	RM		RM	RM
ASET			LIABILITI		
<u>Aset Bukan Semasa</u>			<u>Ekuiti Pemilik</u>		
Kenderaan	15 000		Modal	39 000	
Perabot	7 500		(+) X	15 000	
Alatan Pejabat	4 500		(-) Y	4 000	
<u>Aset Semasa</u>			Modal akhir		58 400
Tunai	10 000		<u>Liabiliti Bukan Semasa</u>		
Bank	28 000		Pinjaman Bercagararan		12 000
Stok Akhir	5 500		<u>Liabiliti Semasa</u>		
Penghutang	8 500		Pemiutang		8 600
		<u>79 000</u>			<u>79 000</u>

59. Apakah butiran bagi X dan Y?

	X	Y
A	Ambilan	Untung Bersih
B	Stok	Untung Kasar
C	Untung Kasar	Stok
D	Untung Bersih	Ambilan

60. Berapakah aset semasa?

- A RM 25 000
- B RM 52 000
- C RM 27 000
- D RM 25 000

KERTAS SOALAN TAMAT

SKEMA JAWAPAN
KHB 79/1 (PERDAGANGAN DAN KEUSAHAWANAN)
PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA PMR
2009

NO	JAWAPAN
1	C
2	B
3	A
4	C
5	A
6	A
7	D
8	C
9	B
10	D
11	C
12	D
13	D
14	B
15	A
16	D
17	C
18	A
19	B
20	D
21	C
22	D
23	A
24	B
25	C
26	D
27	C
28	B
29	D
30	A

NO	JAWAPAN
31	A
32	D
33	B
34	C
35	D
36	B
37	C
38	A
39	D
40	B
41	A
42	D
43	A
44	D
45	A
46	A
47	B
48	C
49	D
50	B
51	C
52	C
53	B
54	B
55	A
56	A
57	D
58	B
59	D
60	B